Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

MANUAL
# KEJAYAAN IBU TUNGGAL
## The Unsung Heroes




Fatmawati Latada
Norrihan Sulan
Amirul Mukmin Abdullah

**MANUAL**

# KEJAYAAN IBU TUNGGAL

**The Unsung Heroes**

# MANUAL KEJAYAAN IBU TUNGGAL

## The Unsung Heroes

**Fatmawati Latada**
**Norrihan Sulan**
**Amirul Mukmin Abdullah**

Penerbit
Universiti Malaysia Pahang
Kuantan
2016

Hakcipta ©Universiti Malaysia Pahang, 2016

Cetakan Pertama 2016

Hakcipta adalah terpelihara.
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Fatmawati Latada
MANUAL KEJAYAAN IBU TUNGGAL: The Unsung Heroes/ Fatmawati Latada
Norrihan Sulan, Amirul Mukmin Abdullah
ISBN 978-967-2054-30-6
1. Single mother--Handbooks, manuals. etc. 2. Single mother--Life skills guides..
3. Single mother--Social life and customs. I. Norrihan Sulan II. Amirul Mukmin Abdullah
III. Judul
306.87432

Diterbitkan Oleh:
**Penerbit**
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3218

Urus Cetak:
**Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd. (8763 H)**
Jalan Tanjong Api Off Jalan Telok Sisek
25050 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5177225, 5177031 & 5177025
Faks: 09-5139434

# ISI KANDUNGAN

**Pendahuluan** **vii**

**Bab 1: Cerita Kejayaan Ibu-Ibu Tunggal** **1**
Wanita Kecil Yang Berjiwa Besar 3
Wanita Yang Melawan Kelemahan Diri 6
Wanita Yang Keluar Dari Kekusutan Cinta Manusia Kepada Ketulusan Cinta Allah 9
Wanita Biasa Yang Luar Biasa 12
Wanita Yang Mengecilkan Dunia Kerana Besarnya Hasrat Di Dada 14
Wanita Yang Kabur Pandanganmatanya Tapi Celik Hatinya 16
Serikandi Dalam Kelasnya Yang Tersendiri 19
Wanita Yang Mendepani Cabaran Dengan Senyuman 22

**Bab 2: Kunci Kejayaan Ibu Tunggal** **25**
**Kunci Pertama: Amalan-Amalan Peribadi** **27**
Amalan Peribadi 1.1: Menunaikan Solat Fardhu 27
Amalan Peribadi 1.2: Menunaikan Solat Tahajjud Secara Istiqamah 28
Amalan Peribadi 1.3: Membiasakan Berdoa 29
Amalan Peribadi 1.4: Mengamalkan Komunikasi Terbuka 33
Amalan Peribadi 1.5: Tidak Mudah Marah 34
Amalan Peribadi 1.6: Kawal Kesedihan 36
**Kunci Kedua: Amalan Bersama Anak** **40**
2.1: Solat Berjamaah Di Rumah 40
2.2: Makan Bersama Di Rumah 41
2.3: Menghukum Anak Selepas Memaklumkan Kesahan Mereka 41
2.4: Membaca Zikir Tertentu Untuk Maksud Tertentu 43
**Kunci Ketiga: Sikap Terhadap Pendidikan Anak -Anak** **44**
3.1: Mementingkan Pendidikan Formal Anak –Anak 44
3.2: Anak-Anak Diberitahu Tentang Solat Dan Kepentingannya 45
3.3: Mendidik Anak Lelaki Tentang Kepentingan Solat Berjemaah Di Masjid Atau Surau 47
3.4: Didik Anak Tentang Kepentingan Membaca Al-Quran 48
3.5: Menghantar Anak Ke Kelas Fardhu Ain 48
3.6: Memaklumi Adanya Perbezaan Antara Anak Lelaki Dan Anak Perempuan 49
**Kunci Keempat: Sikap Terhadap Persekitaran Sosial Anak** **51**
4.1: Mengingatkan Anak-Anak Supaya Berpakaian Mengikut Garis Paduan Islam 51
4.2: Mengingatkan Anak-Anak Tentang Perlunya Bersederhana Menggunakan Media Massa 53
4.3: Mengingatkan Anak-Anak Perlunya Memilih Kawan Yang Baik 56

4.4 Didik Anak Supaya Menghargai Masa 57
**Kunci Kelima: Sistem Sokongan 59**
5.1 Sistem Sokongan Untuk Diri Sendiri 59
5.2: Mencari Kawan-Kawan Yang Baik 60
5.3: Menunjukkan Kepedulian Terhadap Keadaan Jiran 62
5.4: Berlapang Dada Dengan Prasangka Buruk Orang Terhadap Ibu Tunggal 62

**Bab 3: Badan Dan Pertubuhan Rujukan 67**
**Pusat Zakat 67**
Ketentuan Pembahagian Zakat 67
Had Kifayah 69

**Persatuan Ibu Tunggal 77**
**Giat Mara 85**
**Kolej Komuniti 101**
**Amanah Ikhtiar Malaysia (Aim) 106**

# PENDAHULUAN

Dengan nama Allah yang maha Pengasih lagi maha Penyayang. Segala puji bagi Allah yang memberikan kekuatan dan kesempatan untuk kami menyempurnakan buku ini. Selawat dan salam buat Rasulullah S.A.W yang mendorong umatnya agar sentiasa memperbaiki diri, berusaha menuntut ilmu dan menyebarkannya.

Jutaan terima kasih kepada semua peserta kajian ini yang bermurah hati berkongsi pengalaman walaupun dalam proses itu banyak air mata yang tumpah kerana mengimbau keperitan yang pernah dilalui. Semoga Allah memberkati hidup ibu sekalian kerana sanggup merintis jalan agar rakan senasib boleh melalui alur hidup yang mungkin serupa dengan lebih selesa.

Ibu yang dimuliakan,

Buku ini ditulis menggunakan data dan kesimpulan daripada satu kajian akademik bertajuk “Wira yang tidak diraikan” *(The Unsung Heroes)*. Wira yang kami maksudkan di sini adalah ibu-ibu tunggal yang telah berjaya mendidik anak-anak mereka secara bersendirian sehingga anak-anak mereka berjaya. Kejayaan anak-anak yang kami maksudkan adalah anak-anak ibu-ibu tunggal tersebut tidak terlibat dengan perkara-perkara tidak baik seperti merempit, melepak, menagih dadah tidak pula mengedarnya. Bahkan mereka itu mempunyai pekerjaan dan berpendapatan tetap dan wang yang diterima dilaburkan untuk membantu adik-adik yang masih bersekolah atau membantu ibu membesarkan isi rumah. Sesuai dengan tajuk yang dipilih, kajian tersebut menggunakan kaedah pengumpulan data bertujuan *(purposive sampling)* di mana hanya mereka yang memenuhi ciri-ciri tertentu dipilih menyertai kajian tersebut.

Antara ciri- ciri yang kami tentukan adalah: (i) peserta telah mendidik anak– anak secara berseorangan tanpa bantuan pihak atau badan-badan tertentu, (ii) tidak pernah mendapat pengikhtirafan sebagai ibu mithali, (iii) berjaya mendidik anak-anak menjadi manusia yang berguna.

Dapatan kajian kami secara umumnya mencadangkan lima perkara yang berkemungkinan besar menjadi kunci kejayaan peserta-peserta berkenaan. Perkara tersebut adalah: (i) amalan peribadi, (ii) amalan bersama anak-anak (iii) sikap terhadap pendidikan anak- anak, (iv) sikap terhadap persekitaran sosial anak-anak, (v) sistem sokongan.

Bab pertama, buku ini cuba berkongsi amalan para peserta kajian melaui penceritaan yang diolah daripada temubual yang dibuat. Bab dua pula, memberikan latar, huraian dan sebab kenapa amalan-amalan berkenaan berjaya menjadi pemangkin kejayaan mereka. Kami sangat percaya bahawa jika lima kunci

ini diikuti dengan sempurna dan istiqamah maka besarlah potensi untuk mereka yang mencontohi jalan dan kaedah tersebut mencapai kejayaan serupa. (*In sya Allah).* Bab tiga yang juga merupakan bab penutup buku ini, memaparkan persatuan ibu tunggal seluruh negara serta badan–badan tertentu yang secara amnya menawarkan perkhidmatan menyantuni ibu–ibu sekalian.

Ibu yang dimuliakan:

Semoga Allah memberikan kita kekuatan untuk terus mendidik diri dan orang-orang di sekeliling kita menjadi hamba Allah yang taat dan bermanafaat. Semoga buku kecil ini memberikan pencerahan yang diperlukan dan dikira sebagai ilmu yang bermanafaat dan amal kebaikan di sisiNya.

Terima kasih,

***Fatmawati Latada***
***Norrihan Sulan***
***Amirul Mukmin Abdullah***

SELAMAT DATANG

Selamat datang , wahai hamba Allah yang taat
Selamat datang , wahai pengikut Muhammad yang setia
Selamat datang , wahai penjaga amanah Allah yang mulia
Selamat datang , wahai wanita sabar yang mengharapkan redha Tuhannya
Selamat datang , wahai pewaris kesetiaan Asiah, Mariyam & Khadijah,
Selamat datang , wahai pejuang dan pendidik manusia
Selamat datang , wahai pemelihara, penjaga nilai-nilai kudus mulia
Selamat datang untukmu wanita istimewa.

# RENUNGKANLAH

1. Jadilah seperti lebah, yang mengambil hanya yang terbaik untuk menghasilkan yang terbaik

2. Sedarilah bahawa kita terlalu banyak tugasan dan sepatuntnya tidak mempunyai masa membicarakan kekurangan dan keburukan orang lain

3. Ketahuilah bahawa jika Allah bersama kita, tidak ada yang perlu ditakutkan, Namun, jika Allah menentang kita, siapa yang boleh kita harapkan?

4. Fahamilah bahawa jika kita tidak bersedia hari ini, kita tidak akan mampu menghasilkan yang terbaik pada hari esok

5. Berusahalah menjadikan Akhlaq dan pekerti kita lebih mempersona dari taman-taman yang indah

6. Berusahalah membuat kebaikan walaupun kecil setiap hari, imbalannya akan mencari kita, di saat kita sangat memerlukan.

7. Ingatlah bahawa keseronokkan perkara yang haram pasti akan disusuli dengan penyesalan, kehilangan dan kegelisahan.